

Kebudayaan dan Pelancongan Di Malaysia

WAN HASHIM WAN TEH

ABSTRAK

Kertas ini menekankan kepentingan faktor Budaya selain faktor-faktor seperti Alam Sekitaran Semulajadi, Warisan Sejarah, Kemudahan Rekreasi serta Prasarana Awam sebagai daya tarikan kepada pelancongan. Walaupun Malaysia mempunyai alam sekitar semulajadi yang menarik, tetapi dirasakan ia bukan suatu faktor yang mencukupi untuk menarik pelancong ke negara ini. Ia harus dilengkapi oleh faktor budaya dan tinggalan sejarah untuk menarik pelancong dari luar negeri yang berminat kepada lebih daripada satu faktor selain daripada keindahan semulajadi.

ABSTRACT

This essay suggests the importance of Cultural Factor in addition to other factors like the Natural Environment, Historical Heritage, Recreation Facilities and the Infrastructural Facilities for the promotion of tourism. Although Malaysia is considered as having the advantage of a rich and beautiful natural environment, this factor alone is regarded as not adequate to attract overseas tourists to this country. The environmental factor must be complemented by other factors especially Cultural and Historical Heritage of which Malaysia is not lacking.

Apabila diwujudkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kira-kira setahun enam bulan yang lalu (1987), pelbagai macam reaksi telah timbul khususnya daripada golongan budayawan. Mereka berpendapat bahawa tidaklah wajar pelancongan yang lebih merupakan aktiviti perdagangan diutamakan daripada kebudayaan yang merangkumi nilai hidup yang murni yang diharapkan dapat melahirkan identiti kebangsaan yang akan mencerminkan kehidupan masyarakat Malaysia.

Golongan cendekiawan ini tidak rela kebudayaan diperdagangkan untuk tujuan pelancongan. Ataupun perkembangan kegiatan pelancongan menguasai perkembangan kebudayaan kebangsaan yang masih ditahap pembinaan. Seolah-olah terdapat percanggahan di antara dua aspek kehidupan ini.

Beberapa bulan kemudiannya, nama kementerian ini telah ditukar kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Tindakan ini dengan pantas meredakan kritikan terhadap tertubuhnya sebuah kementerian baru yang pada masa itu dianggap masih samar-samar fungsinya. Dan hari ini, perbincangan yang berkaitan dengan pelancongan memenuhi ruang akhbar harian dan mingguan.

Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa perbincangan mengenai bubungan di antara Kebudayaan dan Pelancongan telah selesai dan tidak perlu diteruskan. Ia masih perlu dibahaskan supaya jelas kepada kita bahawa pelancongan tidak menjadikan kebudayaan sebagai barangan murahan yang dijual dipasar lambak, atau kegiatan pelancongan itu sendiri boleh membawa pencemaran kepada cara-cara hidup dan keperibadian masyarakat Malaysia. Malah satu aspek lagi yang perlu diteliti ialah apakah kita sudah membuat persediaan yang cukup untuk menerima jutaan pelancong yang sedang meningkat bilangannya dari setahun ke setahun.

TUMPUAN KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN

Peningkatan jumlah pelancong yang berkunjung ke Malaysia dari setahun ke setahun adalah sesuatu yang dicita-citakan kerana ia mendatangkan hasil yang lumayan kepada negara. Perkembangan industri pelancongan bermakna membuka dan meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk-penduduk di negara ini. Pendapatan daripada industri pelancongan kini sudah berada di tangga keempat selepas petroleum, getah, dan kelapa sawit.

Apabila diumumkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan belanja yang agak besar, iaitu sebanyak 100 juta ringgit, untuk tujuan menggalakkan pelancong mengunjungi Malaysia, tidakpun terdengar suara kritikan dari mana-mana pihak. Ini membayangkan penerimaan umum pelancongan sebagai salah satu kegiatan yang perlu ditingkatkan dan sebagai sektor ekonomi yang mempunyai potensi yang baik untuk berkembang. Persoalan bahawa pelancongan mungkin akan membawa kesan negatif kepada kehidupan masyarakat Malaysia tidak lagi dijadikan sebagai satu isu panas yang patut diselesaikan.

Baru-baru ini, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan telah mengumumkan bahawa pada tahun 1990 nanti yang dinamakan 'Tahun Melawat Malaysia', Malaysia dijangka akan dikunjungi oleh 4 juta pelancong dari luar negeri (1). Ini berdasarkan sejumlah 3.02 juta pelancong yang melawat Malaysia dalam tahun 1986 dan 3.14 juta dalam tahun 1987. Dari segi pendapatan, jumlah yang dibelanjakan oleh pelancong dalam tahun 1986 ialah \$1,668 juta dan dalam tahun 1987 \$1,802 juta.

Satu perkara lain yang dinyatakan oleh Datuk Sabaruddin Chik ialah sejumlah 90,000 orang telah mendapat pekerjaan hasil daripada kegiatan pelancongan, iaitu seramai 41,000 merupakan pekerja hotel, agensi pelancongan dan penerbangan dan bakinya bekerja di industri berkaitan dengan industri pelancongan.

Dari segi peruntukan negara pula, peruntukan untuk industri pelancongan cuma \$12.2 juta dalam RMK-2, dan ditingkatkan kepada 54.4 juta dalam RMK-3. Dalam RMK-4, peruntukan dinaikkan kepada \$148.5 juta dan terus ditambah lagi kepada \$571.6 juta untuk RMK-5. Ini menunjukkan dengan jelas betapa kerajaan semakin memberikan perhatian yang amat berat kepada perkembangan industri pelancongan.

KEPERLUAN PELANCONGAN

Dalam satu kertas kerja lain yang dibentangkan awal tahun ini, saya telah menyenaraikan lima perkara yang dianggap sebagai keperluan dan kemudahan yang harus ada sebagai daya tarikan kepada pelancongan. Lima perkara itu ialah:

1. Alam Sekitaran Semulajadi (The Natural Environment).
2. Faktor Sosial dan Budaya (Social and Cultural Factors).
3. Tinggalan Sejarah (Historical Factors).
4. Kemudahan Rekreasi dan Membeli Belah (Recreation and Shopping Facilities).
5. Prasarana serta Kemudahan Makanan dan Tempat Tinggal (Infrastructure and food and shelter).

Secara umumnya, Malaysia beruntung kerana mempunyai sebahagian besar daripada lima perkara di atas. Cuma dalam beberapa hal, terdapat kekurangan yang perlu diatasi dan ini akan dibincangkan di bawah nanti.

Satu keadaan yang paling menarik kepada kita ialah oleh kerana sebahagian besar daripada negara ini di kelilingi oleh air, di samping mempunyai banyak pula sungai, gua dan ditempat-tempat tertentu seperti hutan tebalnya masih terpelihara, maka "Alam Sekitaran Semulajadi" merupakan faktor yang amat penting sebagai daya tarikan kepada pelancong. Beberapa kawasan seperti Desaru, Tioman, Cerating, Pulau Redang, Langkawi, Pulau Pinang, Pulau Pangkor, Port Dickson, Taman Rimba di Pahang dan Johor, Taman Templer di Selangor, Bukit Genting serta beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak masih mempunyai sekitaran semulajadi yang menarik.

Faktor Sosial dan Budaya merujuk kepada senibina tempatan, tugu, muzium budaya, pesta kesenian, perayaan tahunan, hasil kraftangan, kemudahan bersukan, muzik tradisional, dan nilai budaya seperti

mempunyai sikap positif terhadap pelancong, dan lain-lainnya. Negara kita juga tidak ketinggalan jauh dalam aspek ini.

Satu lagi aspek kebudayaan ialah Tinggalan Sejarah yang berkaitan rapat dengan perkembangan tamadun manusia di zaman silam. Negara-negara Barat dan Asia seperti Itali, Greece, Perancis, Egypt, Turkey, Soviet Union, Cina, Indonesia, Thailand, dan lain-lainnya menggunakan tinggalan sejarah dari tamadun lama sebagai daya tarikan yang kuat untuk pelancongan.

Kota-kota sejarah seperti Rome, Pompeii dan Venice di Itali mempunyai tinggalan sejarah silam yang dikunjungi oleh jutaan pelancong pada setiap tahun. Egypt yang tidak mempunyai alam sekitaran semula jadi yang menarik menjadikan piramid, spinx, candi-candi dan tanah perkuburan raja-raja Firaun serta musium yang masih menyimpan mayat keluarga diraja Firaun sebagai tempat yang menarik untuk dikunjungi.

Soviet Union masih memelihara dengan begitu baik istana dan bangunan-bangunan lama yang diwarisi daripada pemerintahan Maharaja Tzar khususnya di Moscow dan Leningrad. Di kawasan Asia Tengah seperti di Bukhara, Samarkand, dan Tashkent, kota-kota lama tinggalan sejarah tamadun Islam dibina semula untuk dijadikan daya tarikan kepada pelancong.

India amat dikenali dengan kecantikan bangunan Taj Mahal serta bangunan-bangunan lain yang berbentuk Moorish Cina menggunakan tembok besarnya dan Istana Larangan (Forbidden City) di Beijing sebagai tarikan utama pelancongan.

Indonesia, selain mempunyai pantai yang indah di Bali atau Danau Toba yang damai di Sumatera juga terkenal dengan candi Borobodur dan Prambanan di Jawa Tengah serta kawasan istana lama (kraton) di Yogyakarta dan Solo.

Perkembangan sejarah negara ini dari awal kurun Masehi hingga masuk ke dalam era penjajahan pada kurun ke-15 sehingga pertengahan abad ke-20 meninggalkan banyak kesan-kesan sejarah yang diminati oleh pelancong. Sebahagian besar daripada tinggalan sejarah ini dipelihara dengan rapi oleh kerajaan. Malaysia juga sedang meningkatkan pelbagai Kemudahan Rekreasi dan Membeli Belah khusus untuk pelancong. Nilai ringgit kita yang rendah dibandingkan dengan negara-negara pelancong serta harga barangan yang berkualiti tetapi murah memberi satu *advantage* jika dibandingkan dengan negara-negara Eropah yang juga mempunyai daya tarikan yang tinggi kepada pelancongan.

Kemudahan tempat tinggal dan tempat makan juga sudah mencukupi untuk menampung keperluan pelancong. Di kawasan-kawasan tertentu kemudahan ini sedang diperbanyakkan. Cuma dari segi kemudahan awam seperti jalan rayanya yang menghubungkan kawasan-kawasan yang dilalui oleh pelancong, dan tandas awam untuk kegunaan pelancong, tarafnya masih berada di tahap yang agak rendah.

Secara umumnya, kita mempunyai tarikan dan kemudahan untuk pelancong dalam kadar yang agak memuaskan. Tetapi masih banyak ruang di mana kemudahan dan daya tarikan ini boleh ditingkatkan.

HUBUNGAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN

Kebudayaan dari kacamata antropologi boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek *non-material* dan aspek *material*. Aspek material sebenarnya lahir daripada aspek non-material kerana cetusan pemikiran atau gagasanlah yang melahirkan sesuatu dalam bentuk kebendaan atau rekacipta.

Walaupun ahli sains sosial lebih sering menumpukan konsep budaya kepada aspek non-material seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, adat-resam, kesenian, nilai, dan sebagainya, aspek non-material ini lebih mudah difahami apabila dirujuk kepada aspek lahiriahnya seperti tingkah laku, hasil kesenian, upacara dan amalan adat resam, atau artefak budaya dan tinggalan sejarah yang sebenarnya adalah pancaran daripada dana ilmu pengetahuan dan pemikiran manusia (iaitu aspek budaya non-material).

Sememangnya Malaysia beruntung kerana mempunyai alam sekitaran semulajadi yang amat menarik. Alam sekitaran yang sedia ada seperti gunung, gua dan lembah, hutan belantara dan mergastua, pantai dan pulau, sungai dan laut, dan lain-lainnya dikayakan lagi dengan udara bersih dan sinaran matahari yang menyegarkan hampir sepanjang tahun. Oleh kerana sebahagian besar pelancong yang berkemampuan datangnya dari negara-negara yang tidak mempunyai kekayaan alam sekitaran semulajadi seperti yang terdapat di negara kita, tentunya apa yang ada pada kita merupakan satu daya tarikan.

Tetapi faktor alam sekitaran semulajadi sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kerana faktor ini disaingi oleh negara-negara lain seperti Hawaii, Bali, Pulau Maldives, Sepanyol, Itali, Greece, New Caledonia, Fiji dan lain-lainnya. Juga bagi pelancong yang sudah *sophisticated*, mereka mempunyai minat untuk meluaskan ilmu pengetahuan mereka tentang masyarakat dunia lainnya, khususnya masyarakat di Asia yang sudah terkenal kerana budayanya yang kaya dan unik.

Perkara ini memerlukan wujudnya hubungan bertimbal-balik di antara kebudayaan dan pelancongan. Di atas hakikat ini jugalah, pemimpin negara kita telah meletakkan dua aspek kehidupan ini di bawah satu kementerian. Dengan wujudnya hubungan ini, maka diharapkan kedatangan pelancong dapat mempertingkatkan lagi perkembangan aktiviti bercorak kebudayaan seperti yang dialami oleh negara-negara lain. Juga peningkatan aktiviti kebudayaan seharusnya membawa

kepada perkembangan kebudayaan ke paras yang lebih canggih (sophisticated) dan tinggi dan bukan di sebaliknya.

INDUSTRI KRAFTANGAN

Dua aspek yang mempunyai potensi yang baik untuk terus berkembang ialah industri kraftangan dan kesenian pentas. Kekayaan warisan budaya dalam kedua-dua aspek ini harus dijadikan sebagai daya tarikan untuk pelancongan.

Dalam bidang kraftangan kerajaan telah mengenalpasti lapan belas jenis kraftangan yang akan terus dimajukan dari segi perkembangannya. Bidang-bidangnya termasuklah pembuatan batik, ukiran kayu, pertukangan perak, pertukangan tembaga, anyaman, tenunan, pembuatan tembikar, patung wayang kulit, tekad, rantai manik, membuat wau, sangkar burung dan perangkap, tatoo, pembuatan senjata tradisi, ukiran tanduk, alatan muzik tradisi, hiasan wanita, dan pakaian asli dari kulit kayu.

Tidak kesemua lapan belas jenis kraftangan ini sedang berkembang dan sesuai untuk dijadikan hasil kesenian yang diinginkan untuk pelancongan. Beberapa di antaranya seperti pelbagai jenis barangan dari batik, tenun songket dan sutera, anyaman mengkuang dan pandan, pembuatan tembikar, serta dua tiga jenis barangan kraftangan lagi sentiasa menarik perhatian pelancong dan dijadikan oleh-oleh untuk dibawa pulang ke negara masing-masing.

Jika dikaji dengan secara teliti, industri kraftangan masih berkembang kerana barangan yang dikeluarkan mempunyai pasaran bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di luar negeri. Untuk para pelancong, negara kita mempunyai jenis hasil kraftangan yang mencukupi untuk pelancong-pelancong membuat pilihan dan dibawa pulang sebagai kenang-kenangan mereka berkunjung ke Malaysia. Tidak syak lagi bahawa peningkatan bilangan pelancong akan membantu menggiatkan lagi aktiviti pengeluaran hasil kraftangan yang sedia ada. Apa yang dihasilkan bukan sahaja banyak dari segi jumlahnya tetapi juga sedang meningkat dari segi mutu keseniannya dan kemahirannya.

KESENIAN PENTAS

Pelancong yang berjalan jauh dan merantau ke negara kita memerlukan sedikit suasana ketenangan untuk berehat sambil dihidangkan dengan hasil kesenian tempatan. Ada yang meminati untuk memonton satu hasil karya seni yang tinggi mutunya dan ada pula yang berpuas hati dengan hidangan pertunjukan yang ringan sahaja. Tidaklah mudah untuk mengenalpasti dan memisahkan dua kumpulan yang sedikit berbeza dari segi citarasa mereka.

Untuk memenuhi keperluan jangka pendek, saya berpendapat supaya pertunjukkan kesenian diadakan dengan secukupnya, untuk memenuhi kehendak pelancong. Pertunjukan kesenian yang dimaksudkan ialah pertunjukkan kesenian pentas tradisi (tarian, nyanyian, muzik) yang tidak begitu canggih (sophisticated) dan mudah dihayati penonton. Cara yang dilakukan oleh Restoran Yasmin atau Restoran Mawar di PWTC sudah cukup baik untuk memenuhi kehendak dan selera penonton.

Apa yang menjadi masalah sekarang ialah hotel-hotel di ibu kota yang bertaraf antarabangsa tidak menyediakan sekitaran yang beridentitikan Malaysia. Dari segi muzik, nyanyian, atau ragam hiasannya, masih tidak ada menampakkan ciri-ciri kemalaysianannya.

Kita diberitahu bahawa beberapa rombongan kebudayaan telah dan akan dihantar ke luar negeri dengan tujuan ia akan dijadikan sebagai tarikan pelancong. Ini dengan sendirinya membawa kesimpulan bahawa apa yang kita hidangkan di luar negeri itu memang ada di Malaysia. Perkara ini memerlukan kepastian, iaitu pertunjukkan kesenian ini mesti diwujudkan untuk dihidangkan kepada pelancong seperti yang telah kita iklankan. Kita tidak boleh mengiklankan sesuatu yang tidak dapat kita sajikan.

Malah untuk perancangan jangka pendek dan juga jangka panjang, harus ada satu tempat pertunjukkan atau panggong budaya yang kekal sifatnya. Pertunjukkan diadakan pada malam-malam tertentu dan terbuka bukan sahaja kepada pelancong dari luar negeri tetapi juga untuk orang-orang tempatan.

Dengan adanya tempat pertunjukan yang khusus ini, kualiti pertunjukkan dapat ditingkatkan kerana mereka yang mengadakan pertunjukkan ini terdiri daripada penari-penari mahir yang menerima latihan dengan baiknya. Ini bermakna bahawa sudah sampai masanya cadangan mewujudkan Kompleks Budaya Negara dilaksanakan walaupun dalam keadaan sederhana sifatnya dan tidak menelan belanja yang begitu banyak. Apa yang kita perlukan bukanlah bangunan yang besar tersergam yang menelan belanja ratusan juta ringgit tetapi sebuah panggung yang agak sederhana yang mempunyai isi yang berkualiti.

Dalam hal ini, memberi nilai komersial kepada hasil kesenian kita tidak dapat dielakkan. Tetapi yang harus dielakkan ialah supaya kesenian tidak dijadikan barangan murahan. Malah di sebaliknya, dengan adanya *patronage* daripada pelancong dan pencinta budaya setempat, warisan kesenian kita dapat terus hidup dan berkembang dengan peningkatan kualiti daya ciptanya.

Kita seharusnya menuju ke arah satu tahap seperti yang telah dicapai oleh negara-negara Eropah seperti England yang dapat mengadakan pementasan seperti 'The King and I' (lakonan Yul Brynner) atau 'My Fair Lady' yang dapat bertahan bertahun lamanya dan panggungnya pula sentiasa dipenuhi penonton. Atau kalau di Soviet Union, ia terkenal

dengan Bolshoi Balletnya yang tidak putus-putus diminati oleh rakyatnya sendiri dan oleh pencinta seni luar negeri.

JURANG ANTARA NILAI DAN PERLAKUAN

Satu lagi aspek budaya yang perlu dibincangkan ialah perlakuan ahli masyarakatnya yang merupakan manifestasi daripada nilai budayanya. Nilai ditakrifkan sebagai sesuatu yang dianggap baik dan diletakkan di tempat yang tinggi. Ia adalah, tanggapan manusia yang dijadikan landasan untuk membuat satu-satu keputusan dan bertindak.

Masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya meletakkan nilai yang tinggi kepada *kebersihan* dan *bersopan santun* serta berbudi bahasa. Dua perkara ini akan diambil sebagai contoh untuk perbincangan dengan tujuan menunjukkan terdapatnya jurang di antara nilai dan perlakuan.

Partama ialah dari segi kebersihan. Dari apa yang saya lihat dan alami, nilai mementingkan kebersihan tidak disertai dengan amalan. Kebanyakan kawasan-kawasan pantai dan di tempat-tempat orang awam, kebersihan masih merupakan satu masalah. Terdapat di antara kawasan-kawasan ini yang tidak langsung mempunyai tempat untuk membuang sampah sarap.

Bagi tempat-tempat yang telah disediakan tongnya, tidak pula ada orang-orang tertentu yang ditugaskan untuk memungut sampah itu untuk dikumpulkan dan kemudiannya dimusnahkan. Perkara ini amat ketara sekali di Pulau Tioman, (dan mungkin di kawasan-kawasan lain juga) yang telah kami kaji. Keadaan ini menunjukkan bahawa 'kesedaran sivik' di kalangan kita masih lagi berada di tahap yang rendah.

Kekotoran di kawasan-kawasan pantai sentiasa menjadi rungutan pelancong. Mereka mengeloh kenapakah kawasan yang begitu indah dicemari dan tidak dijaga dengan baik.

Satu perkara lain yang berkaitan dengan kebersihan juga ialah tandas awam. Terdapat di kawasan-kawasan tertentu yang menjadi tumpuan pelancong masih belum dibekalkan dengan tandas awam. Walaupun tandas awam dibekalkan, ia mengeluarkan bau yang busuk dan tidak dijaga dengan baik. Tandas ini berada dalam keadaan yang tidak sesuai untuk digunakan oleh pelancong.

Masalah kebersihan pantai, tempat-tempat awam, dan tandas bukanlah masalah remeh-temeh. Masalah ini mencemarkan keindahan sekitaran semulajadi yang sedia ada. Ia mesti diselesaikan dengan secara berkesan.

Di sini dicadangkan supaya satu akta digubal untuk menjadikan kawasan-kawasan yang dikunjungi oleh pelancong sebagai 'Taman Pelancongan'. Akta ini bertujuan untuk mewujudkan kemudahan dan

perkhidmatan yang sebaik-baiknya untuk digunakan oleh pelancong. Perkhidmatan yang diberi seperti penjagaan kebersihan pantai, tandas awam, gerai membeli belah, tempat makan dan minum dan lain-lain mestilah berada di tahap yang tinggi, seboleh-bolehnya bertaraf antara-bangsa.

Dengan adanya Taman-Taman Pelancongan ini yang dijaga dengan baik, ia boleh dijadikan contoh untuk orang-orang tempatan juga supaya mengamalkan penjagaan kebersihan, khususnya di tempat-tempat awam. Ini akan membantu usaha untuk menutup jurang yang ada di antara nilai dan amalan seperti yang disebutkan di atas.

Persoalan kedua ialah bagaimana nilai bersopan santun dan berbudi bahasa dapat diterapkan dan dijadikan amalan oleh masyarakat tempatan. Sebagai contohnya, izinkan saya memetik satu rencana pengarang mengenai kemalangan jalanraya yang dialami oleh pelancong yang pernah tersiar dalam sebuah akhbar tempatan.¹ Rencana pengarang ini menyebut bahawa:

“Pelancong-pelancong asing yang melawat Malaysia mempunyai pandangan bahawa rakyatnya bersifat sopan-santun, lemah-lembut, merendah diri, suka menolong dan lain-lain.

Ramai yang datang semula ke negara ini bukan hanya kerana keindahannya tetapi kerana rakyatnya yang menyenangkan.

Bagaimanapun di dalam kelembutan orang-orang Malaysia ini sebenarnya terdapat sifat-sifat ganas yang terselindung kerana ia dilihat sebagai sesuatu yang dilakukan tanpa niat. Akhir-akhir ini ramai pelancong-pelancong asing yang dibunuh di jalan-jalan di Malaysia...

Seterusnya rencana ini menyebut empat orang pelancong yang terbunuh kerana kemalangan jalan raya sepanjang bulan September dalam tiga kejadian yang berasingan iaitu pada 4 September (seorang penulis pelancongan dari Amerika Syarikat), 11 September (dua orang jurutera British) dan 19 September (seorang warganegara Switzerland).

Kemudiannya rencana panjang itu memetik sebuah rencana mengenai Malaysia yang ditulis oleh Deborah Fallows dan tersiar dalam *Washington Post*. Mengikut penulis rencana ini,

... rakyat Malaysia keseluruhannya bersopan dan bersifat lemah lembut. Tetapi suatu perkara melanda orang-orang yang bersopan-santun ini bila mereka berada di belakang stering kereta seolah-olah mereka sudah dirasuk kereta. Tiap-tiap kali keluarga kami memandu jauh ke luar kota, kami pasti melihat kemalangan-kemalangan ngeri, bas-bas terbabas di jalan, bersusun kereta yang remuk atau bangkai-bangkai kenderaan yang hangus terbakar...

Rencana pengarang di atas dengan contoh-contohnya menunjukkan dengan jelas terdapatnya apa yang saya katakan sebagai jurang di antara nilai seperti bersopan santun dan berbudi bahasa dengan perlakuan segelintir ahli masyarakat Malaysia yang boleh merosakan imej pelancong terhadap masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, tidaklah mudah untuk menukar perlakuan manusia sekalipun dengan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Terpulanglah kepada masyarakat Malaysia sendiri untuk menghayati dan mengamalkan nilai dan perlakuan yang bersopan santun serta menunjukkan sikap yang positif terhadap pelancong. Tidak guna kita mempunyai nilai budaya yang baik tetapi ia tidak menjadi amalan majoriti ahli masyarakatnya.

Satu perkara lain yang tidak berkaitan dengan budaya tetapi masih relevan bila membincangkan perkara mengenai persediaan untuk pelancongan ialah kedudukan prasarana yang masih belum kemaskini. Ini merujuk kepada jalan raya kita yang kebanyakannya adalah *single-carriageway* atau sebaris-sehala yang sememangnya tidak terjamin dari segi keselamatan pemandunya. Jalan raya sebaris-sehala biasanya mengalami kadar kemalangan dan kematian yang tinggi jika dibandingkan dengan jalan raya dua-baris sehala atau *dual-carriageway*. Ia masih belum dapat menjamin keselamatan pelancong-pelancong yang suka menikmati keindahan tanahair kita dengan memandu sendiri.

Oleh itu, taraf jalan raya atau lebubraya kita perlulah ditingkatkan segera dan ia perlu siap menjelang tahun 1990, iaitu tahun yang telah dirancangan sebagai 'Tahun Melawat Malaysia'.²

KESIMPULAN

Kewujudan dua aspek kehidupan masyarakat Malaysia yang bergabung, iaitu Kebudayaan dan Pelancongan, harus dilihat dari sudut yang positif. Hubungan di antara Kebudayaan dan Pelancongan boleh dilihat sebagai hubungan yang bertimbal-balik, iaitu satu aspek mengukuhkan yang lain.

Aktiviti pelancongan dan kedatangan pelancong ke Malaysia yang semakin ramai boleh memberi nilai komersial kepada seni-budaya tempatan. Apa yang harus diawasi ialah nilai komersial tidak membawa kepada terjejasnya kedudukan dan nilai estetika sesuatu kegiatan kesenian. Di sebaliknya, kegiatan pelancongan diharapkan dapat meningkatkan kegiatan yang bercorak kesenian di samping dapat meningkatkan nilai dan perkembangan kesenian itu sendiri.

Nilai budaya ketimuran seperti bersopan-santun, berlemah-lembut, dan berbudi bahasa perlu dijadikan sebagai amalan dan tidak boleh ditinggalkan berada di awang-awangan atau sebagai hiasan di dinding sahaja. Jurang perbezaan di antara nilai dan alaman perlu dirapatkan.

NOTA

1. Rencana Pengarang Mingguan Malaysia bertajuk 'Topi Keledar Untuk Pelancong', 25 Sept. 1988, m.s.6.
2. Melalui program penswastaaan lebuhraya utama utara-selatan dari Bukit Kayu Hitam di utara hingga ke Johor Baharu di selatan, pembinaan lebuhraya baru dua-baris sehala (dual-carriageway) dijangka siap hanya pada awal tahun 1994.

RUJUKAN

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

'Tahun Melawat Malaysia. 1988. 1990 Dijangka Tarik 4 Juta Pelancong', *Utusan Malaysia*, 2 November. m.s. 14.

T. Var, R.A.D. Beck & P. Loftus. 1977. 'Determination of Touristic Attractiveness of the Touristic Areas in British Columbia, *Journal of Travel Research*, 15(B):27.

Wan Hashim Wan Teh. 1988. 'Menonjolkan Imej Malaysia Melalui Faktor Budaya Sebagai Usaha Menggalakkan Pelancongan', kertas kerja dibentangkan di *Persidangan Kebangsaan Mengenai Pembangunan Imej Pelancongan dan Prospek Malaysia Dalam Tahun 1990-an* anjuran ABL Holiday Condominium System Sdn. Bhd. dengan kerjasama Institute Teknologi Mara, 2-3 April di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.

Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi.